

FST unggul Sukan Antara Fakulti USIM

SEREMBAN 28 April - Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2015 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung di Nilai baru-baru ini menyaksikan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) mengungguli temasya berkenaan.

Ini dibuktikan dengan kejayaan atlet dari fakulti itu menguasai acara balapan seperti 100 meter (m), 200 m, 800 m, 4 x 100 m dan 4 x 400 m dengan membolot lapan pingat emas daripada 12 pingat emas yang dipertandingkan.

Kejayaan itu memperkukuhkan kedudukan pingat dan kiraan mata FST di tangga teratas dengan pencapaian keseluruhan 13 pingat emas, dua perak dan enam gangsa.

Kejuaraan FST di SUFA kali ini merupakan kejuaraan untuk tahun ketiga berturut-turut sekali gus mencipta kemenangan hatrik.

Fakulti lain yang turut memberikan saingan sengit kepada FST adalah kontinjen Fakulti Fakulti Perubahan dan Sains Kesihatan dengan memperoleh enam emas, tujuh perak dan empat gangsa diikuti Pengajian Bahasa Utama dengan tiga emas, 10 perak dan lima gangsa.

Exco Sukan dan Pembangunan Belia Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM, **Nor Amin Jamaluddin** berkata sokongan warga kampus kepada SUFA amat baik dan dapat dilihat ketika penyokong bersorak di setiap lokasi pertandingan.

"Perkembangan sukan semakin baik di USIM dan ditambah dengan penganjuran SUFA kali ini. Banyak bakat baru mula menyerlah.

"Saya berharap bakat yang dicungkil menerusi acara yang dipertandingkan pada SUFA 2015 dapat diketengahkan untuk me-

wakili USIM dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang bakal berlangsung pada bulan Ogos ini," katanya di Nilai dekat sini hari ini.

Majlis perasmian penutup disemburnakan oleh Pengarah Pusat Sukan USIM, Hamran Husin.

Temasya tahunan ini disertai oleh lapan Fakulti di USIM antaranya Fakulti Syariah dan Undang-undang; Fakulti Ekonomi dan Muamalat; Fakulti Pengajian Quran dan Sunah; Fakulti Pergigian serta Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Pertandingan yang diadakan di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM melibatkan 13 acara utama seperti bola sepak, bola jaring, bola tampar, sepak takraw, futsal, tenis, lawn bowl, ping pong, badminton, memanah, bola baling, catur dan olahraga.



SEBAHAGIAN daripada kontinjen Fakulti Sains dan Teknologi (FST) bersama piala dan pingat yang dimenangi selepas menyertai Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2015 di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.